

1. 12 syarikat bida bangunkan projek Bandar Malaysia

KUALA LUMPUR: Sebanyak 12 syarikat menghantar cadangan untuk mengambil bahagian sebagai rakan pemaju bagi pembangunan Bandar Malaysia menjelang penutupan proses bidaan pada 28 Ogos lalu, kata CH Williams Talhar and Wong (WTW).

WTW adalah penasihat urus niaga bagi tender untuk Kebenaran Merancang (RFP) Bandar Malaysia, sebuah projek pembangunan bercampur di tapak seluas 197 hektar (486 ekar) milik 1Malaysia Development Bhd (1MDB) di Sungai Besi, di sini.

Mengikut firma itu, pada peringkat Pernyataan Minat sebanyak 40 syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk dari Singapura, China, Jepun, Korea dan Australia menghantar cadangan.

Pembida menerima Memorandum Pelaburan yang menggariskan visi Bandar Malaysia dan cadangan pembangunan utama. Untuk layak ke peringkat pemilihan akhir, syarikat berkenaan perlu menyatakan trek rekod, penjenamaan dan keupayaan kewangan sebagai rakan pembangunan Bandar Malaysia.

"Kami menerima maklum balas berdaya saing yang jauh lebih tinggi daripada unjuran kami. Sebanyak 12 pembida akhir terdiri daripada pemaju swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat asing, sama ada menghantarnya secara individu atau sebagai konsortium," kata Timbalan Pengarah Urusan WTW, Danny Yeo.

WTW akan menilai cadangan berkenaan dan akan memberi cadangan kepada 1MDB Real Estate (1MDBRE) yang kemudian akan menyenarai pendek pembida akhir sebelum memeterai perjanjian kewangan dan rundingan jual beli saham.

Pengkomersialan Bandar Malaysia adalah sebahagian rancangan rasionalisasi 1MDB yang dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei lalu.

Dalam pada itu, 1MDB teruja dengan kualiti bidaan yang diterima dan yakin proses itu akan membawakan hasil.

"Rancangan kami adalah menyenarai pendek pembida akhir, memeterai rundingan terperinci dan memeterai perjanjian menjelang hujung tahun ini," kata Datuk Azmar Talib, Ketua Pegawai Eksekutif 1MDBRE.

Katanya, dalam membuat pertimbangan akhir, Lembaga Pengarah 1MDB akan berpandukan kepada usaha menghasilkan nilai maksimum kepada pemegang saham, ketentuan janji niaga dan termasuk perjanjian adalah adil dan munasabah.

2. Penyusutan ringgit: CIDB jangka kesan minimum terhadap projek rel

KUALA LUMPUR: Penyusutan nilai ringgit memberi kesan minimum ke atas projek pembinaan rel yang sedang dijalankan dan pada masa depan kerana kontraktor perlu mengawal kos bahan susulan ketidaktentuan tukaran asing.

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Datuk Seri Judin Abdul Karim, berkata peralatan landasan, yang biasanya diimport dalam mata wang dolar Amerika Syarikat (AS), akan memberi kesan terhadap kemampuan pembelian jika ringgit terus susut.

Bagaimanapun, kebanyakkan bahagian bahan lain juga dipasang di peringkat tempatan, katanya.

"Kebanyakkan kerja yang dilakukan untuk pembinaan landasan adalah kerja-kerja awam membabitkan bahan tempatan.

"Ini juga dapat mengurangkan kesan berkenaan, dengan itu adalah penting untuk menggunakan bahan tempatan sebanyak mungkin," katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Rail Business Asia 2015, acara pameran dan dialog perdagangan tahunan serantau untuk industri rel di sini.

Judin berkata, dengan lebih banyak pembinaan rel kereta api yang akan dilaksanakan sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) penggiat tempatan perlu memajukan keupayaan dan kebolehan dalam perniagaan pembinaan itu.

Penggiat industri dijangka lebih banyak terbabit dalam pembinaan jajaran Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya, Jajaran Ketiga Transit Aliran Ringan (LRT) dan landasan berkembar utara-selatan dalam tahun-tahun akan datang, katanya.

"Selepas semua projek ini siap, akan terdapat banyak kerja-kerja penyelenggaraan. Oleh yang demikian, syarikat perlu berupaya melakukan kerja-kerja ini," katanya.

Judin berkata, rel berkelajuan tinggi sentiasa mempunyai impak positif kepada negara, seperti di kalangan negara membangun, ia membantu membangunkan antara bandar-bandar dan memberi kebaikan untuk pembangunan ekonomi sosial.

Sementara itu, Ketua Pegawai Pembangunan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Malaysia (SPAD), Dr Prodyut Dutt, berkata projek kereta api berkelajuan tinggi Malaysia-Singapura dijangka siap pada 2022.

"Kedua-dua negara masih di peringkat kajian awal dan sesi perundingan. Banyak yang perlu diselesaikan sebelum proses tender.

"Kami menjangkakan kerja-kerja untuk projek itu akan mengambil masa kira-kira lima tahun dan jika lewat daripada itu, ia perlu diumumkan pada 2017," kata Dutt.

Mengenai kos projek berkenaan, Dutt berkata, hingga tender selesai, SPAD tidak akan dapat memberi anggaran.

Rail Business Asia adalah anjuran UBM Asia, sebuah organisasi pengajur acara perdagangan terbesar di Asia bersama-sama SPAD dan CIDB. - BERNAMA



Khamis, 3 September 2015

3. 1MDB nafi akaun bank syarikat dibeku

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menafikan dakwaan bahawa akaun-akaun bank syarikat itu dibekukan.

"Sepanjang pengetahuan 1MDB, tidak ada satu pun akaun bank syarikat telah dibekukan," kata syarikat itu dalam satu kenyataan hari ini.

Ia merujuk kepada laporan media baru-baru ini berkaitan dengan akaun bank tertentu dibekukan di Switzerland berhubung dengan siasatan yang sedang dijalankan oleh pihak berkuasa negara itu.

1MDB berkata, ia sedang dalam proses memupuk kefahaman yang lebih baik dalam siasatan yang sedang dijalankan di Switzerland supaya syarikat itu dapat bekerjasama sepenuhnya.



Khamis, 3 September 2015

4. Ekonomi Malaysia di landasan kukuh hadapi krisis - PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak berkata Malaysia sedang berada pada kedudukan yang lebih kukuh untuk berdepan sebarang krisis berbanding 1998.

Perdana Menteri berkata, Malaysia sudah melaksanakan pelbagai perubahan dan pembaharuan bagi mengukuhkan persekitaran perniagaan secara keseluruhan.

Najib berkata, dalam tempoh 15 tahun lalu, negara ini sudah melaksanakan pembentukan semula struktur penting dalam sistem kewangan dan perbankan yang mengukuhkan sistem kewangan untuk berdepan sebarang gangguan.

Katanya, pasaran bon mata wang tempatan kini berada pada paras RM1.1 trilion, yang ketiga terbesar di Asia.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pasaran ekuiti negara kini bernilai RM1.5 trilion berbanding RM175 bilion pada 1998.

Beliau berkata demikian pada Simposium Pasaran Modal Global 2015 di sini, sebentar tadi.

Antara langkah pembaharuan itu termasuk memperkenalkan rangka kerja kawal selia penanda aras antarabangsa dan rejim kawalan lebih ketat, pengukuhan peraturan berhemat bagi penggiat pasaran serta pembaharuan tadbir urus korporat yang meluas.

Hasilnya, antara kejayaan langkah pembaharuan itu termasuk kemunculan pasaran bon mata wang yang ketiga terbesar di Asia dengan nilai RM1.1 trilion.

Pasaran bon itu turut membantu mengurangkan penggantungan negara terhadap pinjaman jangka pendek menggunakan mata wang asing sebagaimana yang berlaku dalam krisis 1997-1998.

Selain daripada itu, pasaran ekuiti juga berkembang kepada RM1.5 trilion tahun ini berbanding RM175 bilion pada 1998, dengan lembaran imbalan korporat yang lebih kukuh dan syarikat senaraian awam yang ditadbir dengan baik, katanya.

"Pembelian yang lebih daripada institusi yang diterajui pelabur institusi domestik Malaysia, juga berfungsi sebagai sumber dana jangka panjang bagi pasaran modal," kata Najib yang juga Menteri Kewangan.

Pada masa yang sama, beliau berkata, pengantara berjaya memenuhi standard kehematan, pematuhan dan pengurusan risiko yang tinggi dengan industri pembrokeran saham beroperasi pada paras tahap kadar hutang 0.1 kali ketika ini berbanding hingga setinggi 1.3 kali pada 1998.

"Pembaharuan struktur ini telah mengukuhkan keupayaan sistem kewangan Malaysia bagi mengharungi keadaan turun naik tidak menentu dan melaksanakan pelarasannya dengan secara teratur.

"Semasa krisis kewangan global mutakhir ini, sebagai contoh, pasaran modal dan sistem perbankan kita terus berfungsi tanpa terjejas, tanpa gangguan atau mengalami sebarang kegagalan," katanya.

Najib berkata, daya tahan ini membolehkan sistem kewangan negara memenuhi fungsi paling utamanya selaku pemboleh penting bagi pembangunan ekonomi.

Beliau berkata, dengan berperanan sebagai sumber pembiayaan jangka panjang bagi melengkapi sistem perbankan, pasaran modal Malaysia telah menyalurkan RM376 bilion menerusi tawaran awam permulaan (IPO) dan terbitan bon sejak 2012.

"Ini telah menghasilkan pembentukan modal dan pekerjaan dalam sektor-sektor yang luas seperti prasarana, telekomunikasi dan pertanian dengan pembentukan modal tetap kasar antara 26 dan 27 peratus daripada keluaran dalam negara kasar bagi tempoh sama," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan akan perlunya bagi pembuat dasar kekal di landasan dalam menyediakan liberalisasi dan keterbukaan lebih baik kepada komuniti antarabangsa.

"Kita seharusnya ingat bahawa faedah jangka panjang daripada integrasi Malaysia ke dalam global ekonomi jauh lebih penting daripada gangguan jangka pendek," katanya.

Najib turut melahirkan keyakinan terhadap kemampuan Jawatankuasa Khas Ekonomi (JKE) yang baru dibentuk dalam merangka pelan tindakan serta merta dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi kedudukan ekonomi Malaysia.

"Saya yakin kebijaksanaan dan pengalaman yang terkumpul jawatankuasa itu akan memastikan ekonomi kita kekal berada di landasan yang dihasratkan," katanya.

Beliau berkata, dengan semua usaha dilaksanakan setakat ini, Malaysia dalam keadaan baik berada di landasan yang betul untuk menjadi negara maju pada 2020.

Mengenai Komuniti Ekonomi ASEAN, Perdana Menteri berkata, usaha penyepaduan serantau adalah seiring dengan sektor swasta yang semakin berperanan aktif dalam membuka peluang besar yang ditawarkan rantau itu.

"Usaha penyepaduan dalam sektor kewangan, terutamanya, menunjukkan kemajuan yang baik, seperti kita boleh lihat daripada kehadiran penyedia perkhidmatan sektor kewangan dengan kedudukan serantau yang kukuh," katanya.

Simposium dua hari bertema "Pasaran dan Teknologi: Memacu Pertumbuhan Masa Hadapan melalui Inovasi" itu adalah sebuah platform untuk menggalakkan perbincangan bermaklumat mengenai pasaran modal dengan pemimpin pemikir global, pembuat dasar, kumpulan berpengaruh dalam membuat keputusan, pakar domain serta pemimpin perniagaan dan pasaran.

5. Syarikat hartanah China, Agile sertai projek RM1.2b di Malaysia

KUALA LUMPUR: Keadaan ekonomi semasa tidak menjelaskan minat pelabur asing untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan dan terbaharu, Agile Property Holdings Limited (Agile) yang melebarkan sayap ke negara ini menerusi projek hartanah pertamanya, Agile Mont Kiara.

Pemaju hartanah terkemuka China itu memasuki pasaran kediaman di Malaysia yang menjadi destinasi luar negara pertama syarikat menerusi projek kondominium membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.2 bilion.

Agile Property Holdings yang juga syarikat senaraian awam di Hong Kong, mengatur strategi untuk meneroka pasaran hartanah tempatan dengan menubuhkan syarikat usaha sama dengan PJ Development Holdings Bhd (PJD) yang dikenali Agile Real Estate (M) Sdn Bhd (Agile Real Estate).

Ketua Pegawai Eksekutif Agile Real Estate, Wilson Ren Wen Sheng, berkata pihaknya kekal yakin dengan pasaran hartanah Malaysia walaupun ia menyederhana sepanjang tahun ini susulan langkah monetari lebih ketat yang dilaksanakan Bank Negara Malaysia (BNM).

Katanya, pasaran hartanah Malaysia kekal menarik terutama di Kuala Lumpur dan kelemahan ringgit turut memberi impak positif kepada syarikat asing untuk memasuki pasaran negara ini.

"Agile Mont Kiara adalah projek sulung kami di Malaysia dan kami yakin ia akan mendapat sambutan daripada pembeli kerana produk yang ditawarkan amat menarik dan terbuka kepada semua," katanya selepas majlis pelancaran media dan pecah tanah Agile Mont Kiara di sini, hari ini.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Operasi Agile Real Estate, Eric Yeo dan Pengarah Eksekutif PJD, Ong Ju Xing.

Agile Property Holdings menguasai 70 peratus kepentingan di dalam Agile Real Estate, manakala PJD memegang baki kepentingannya.

Agile Property Holdings adalah antara 10 pemaju hartanah terbesar di China yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Saham Hong Kong sejak 2005.

6. Kekal komited selesaikan isu 1MDB, dana RM2.6b - Najib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak tegas dengan keputusan dan pendirian asalnya mahu isu dihadapi 1Malaysia Development Bhd (1MDB) diselesaikan dalam tempoh enam bulan.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO akui ketika ini ada beberapa perkara yang perlu ditangani segera supaya dapat memberi kepuasan serta mengurangkan kebimbangan rakyat, termasuk isu dana RM2.6 bilion.

Beliau menzahirkan iltizam itu pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato' Onn, di sini, hari ini, sebagai menjawab dakwaan bertali arus pelbagai pihak kononnya kedua-dua isu berkenaan cuba ditutup dan tidak diambil peduli kerajaan.

"Ada beberapa perkara yang perlu ditangani supaya dapat memberi kepuasan kepada rakyat termasuk soal 1MDB iaitu soal kedudukan semasa dan kita sekarang sedang dalam edah enam bulan yang sudah saya mohon. Ia bagi mengurangkan hutang 1MDB dan beberapa proses rasionalisasi.

"Sekarang kita dapat tawaran yang menggalakkan tetapi saya tidak boleh jelaskan kerana masih dalam proses 'dua diligence' (penelitian). Saya akan umumkan secara rasmi kelak.

"Beginu juga dengan dana rasmi yang mana tiada undang-undang berhubung dana politik dan pendedahan yang perlu dibuat mengenainya," katanya.

Najib menjelaskan, dana politik ketika ini turut digunakan pembangkang, namun beliau kesal kerana ia hanya dispekulasi dan dipersoal apabila membabitkan UMNO dan Barisan Nasional (BN).

"Semua parti guna kutipan dana termasuk pembangkang, malah Bersih 4 bila orang tanya, mereka enggan mendedahkan daripada sumber mana mereka dapat.

"Bila sampai kepada kita, macam-macam persoalan dibangkitkan. Kita tidak boleh 'double standard'. Empat tahun dulu saya pernah cadangkan kaedah yang sesuai tetapi tidak dipersetujui oleh pembangkang," katanya.

Justeru, Najib berharap pada masa akan datang dapat dilaksana kaedah bersesuaian bagi mengawal dana dan sumbangan politik.

7. 1MDB sangkal laporan WSJ berhubung bayaran AS\$1.4 bilion

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB), dalam menyangkal artikel oleh Wall Street Journal (WSJ) yang mengaitkan bayaran AS\$1.4 bilion dibuat oleh syarikat itu, menegaskan pernyataan kewangan berauditnya secara jelas menunjukkan jumlah dan tujuan pembayaran, yang dikatakan sebagai deposit.

Berdasarkan bayaran itu, 1MDB berkata ia boleh mengesahkan International Petroleum Investment Co (IPIC) telah menyediakan, dan akan terus menyediakan, menjamin prinsipal dan faedah bon 2 x AS\$1.75 bilion yang diterbitkan oleh 1MDB, dengan keseluruhan prinsipal dan faedah sebanyak kira-kira US\$5.5 bilion.

Dalam satu kenyataan hari ini, 1MDB menyatakan WSJ tidak menamakan sumbernya atau memberi sebarang bukti mengenai dakwaan berkenaan, dengan itu laporan sensasi itu amat diragui.

1MDB turut mengesahkan juruaudit 1MDB, Deloitte melakukan pertanyaan khusus dan terperinci mengenai bayaran itu sebelum menandatangani akaun beraudit 1MDB.

Deloitte mempertahankan metodologinya dan proses audit 1MDB pada sesi pendengaran Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

Dalam perkembangan yang berkaitan, 1MDB melahirkan kebimbangannya terhadap maklumat sulit syarikat yang didakwa diterima oleh WSJ.

"Kami terkejut penerbit dengan reputasi tinggi seperti WSJ mempergunakan maklumat yang sudah jelas adalah sulit dalam laporannya.

"Kami secara khusus merujuk kepada pengesahan WSJ bahawa ia meneliti 'transkrip prosiding' daripada siasatan jawatankuasa parlimen mengenai 1MDB, yang mana satu-satunya kemungkinan sumber adalah pendengaran PAC mengenai 1MDB," menurut 1MDB.

1MDB menggesa pihak berkuasa untuk menyiasat perkara itu secara serius dan mengambil tindakan yang perlu bagi menjaga proses integriti dan Perintah Tetap Parlimen Malaysia.

"Tindakan oleh WSJ itu adalah sesuatu yang mungkin melanggar undang-undang Malaysia oleh sebuah penerbitan asing yang kononnya dihormati.

"Kami seterusnya bimbang sesiapa yang terlibat dalam pendengaran PAC mungkin membocorkan transkrip ini, yang mana secara jelas adalah satu cubaan untuk menjelaskan siasatan PAC dan menafikan hak 1MDB sebagaimana proses yang diperuntukkan oleh undang-undang Malaysia," menurut kenyataan itu.

8. 4 syarikat disenarai pendek pembida projek Bandar Malaysia

KUALA LUMPUR: Sebanyak empat syarikat dan konsortium sudah disenarai pendek dan diluluskan oleh 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebagai rakan pembangunan berpotensi dalam projek Bandar Malaysia seluas 196 hektar.

Penasihat Transaksi untuk Permohonan Cadangan bagi Bandar Malaysia (RFP), CH Williams Talhar and Wong (WTW), empat pembida berkenaan disenaraikan pendek daripada 12 cadangan yang dihantar pada tarikh tutup RFP 28 Ogos lalu.

Ia termasuk cadangan daripada pemaju swasta tempatan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat asing yang menghantar cadangan secara persendirian atau sebagai konsortium.

Semua cadangan dikaji dan dinilai oleh WTW, sebelum senarai pendek dibentangkan kepada Lembaga Pengarah 1MDB untuk diluluskan. Empat pembida terakhir itu akan melalui satu proses penilaian wajar, penerangan serta rundingan terperinci bersama 1MDB Real Estate dan WTW sebelum cadangan akhir dibuat kepada Lembaga Pengarah 1MDB.

Timbalan Pengarah Urusan WTW, Danny Yeo, berkata pihaknya sedang berusaha untuk memuktamadkan rakan pembangunan Bandar Malaysia menjelang akhir bulan depan.

"Kami kemudiannya menyasar untuk melaksanakan perjanjian guaman muktamad pada akhir November ini," katanya menerusi satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Pengkomersialan Bandar Malaysia adalah sebahagian pelan rasionalisasi 1MDB seperti yang dibentangkan kepada Kabinet pada 29 Mei lalu. 1MDB berpuas hati dengan bidaan berkualiti tinggi yang diterima dan minat ketara yang ditunjukkan terhadap Bandar Malaysia.

Keputusan akhir proses membuat keputusan antara lain akan dipandu oleh perkara seperti memaksimumkan nilai kepada pemegang saham 1MDB, kepastian urus niaga serta terma yang adil dan munasabah.

Bandar Malaysia akan menjadi pembangunan bandar penggunaan bercampur yang dijangka berfungsi sebagai pemangkin transformasi Greater Kuala Lumpur.

Terletak strategik tujuh kilometer dari Kuala Lumpur City Centre (KLCC), pembangunan Bandar Malaysia akan bertindak sebagai pintu gerbang bagi aliran rel berkelajuan tinggi ke Singapura serta menjadi hab pengangkutan di dalam bandar raya melalui aliran MRT 2 dan 3, KTM Komuter, ERL serta akses ke rangkaian lebuh raya utama pada masa akan datang.

9. Bajet 2016 gariskan langkah tambahan kukuhkan daya saing ekonomi - PM



DATUK Seri Najib Razak pada sidang media mengenai Langkah-Langkah Pro-Aktif Ekonomi di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. - Foto Fariz Ismail

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak berkata Bajet 2016 yang sedang digubal kerajaan akan mengandungi langkah tambahan bagi mengukuhkan lagi daya saing ekonomi negara bagi menghadapi cabaran global dan domestik.

Perdana Menteri berkata, Bajet 2016 akan turut memastikan kesejahteraan hidup rakyat diutamakan terutama penyediaan rumah mampu milik dan kos sara hidup yang berpatutan.

Katanya, projek pembangunan akan disusun semula dengan keutamaan diberikan kepada projek yang mempunyai nilai pengganda dan kandungan tempatan yang tinggi serta berupaya menjana peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi.

"Perbelanjaan optima akan dilaksanakan tanpa menjejasakan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Saya pasti kita akan dapat mengharungi cabaran semasa sekiranya kita bersatu hati, berpadu tenaga dan terus yakin dengan kemampuan kita, Insya-Allah," katanya mengumumkan langkah proaktif bagi melindungi ekonomi sebenar daripada kesan penyederhanaan ekonomi dunia tahun ini dan tahun depan.

Najib berkata, langkah itu juga bagi mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi seperti yang disasarkan kerajaan. Kerajaan membuat keputusan untuk memperkenalkan langkah proaktif itu sebagai inisiatif awal jangka pendek dan sederhana.

"Langkah lain sedang dirumuskan dan akan diumumkan dari masa ke semasa," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, kerajaan akan memantau perkembangan ekonomi dan meminimumkan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global terhadap ekonomi negara.

Walaupun dengan adanya pelaksanaan langkah proaktif itu, kerajaan masih terus komited melaksanakan konsolidasi fiskal untuk mencapai sasaran defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.2 peratus tahun ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri dalam kiriman menerusi akaun Facebook beliau mengumumkan orang ramai masih boleh menghantar maklum balas mengenai Bajet 2016 kepada beliau hingga tarikh tutup baharu pada 18 September ini.

Lanjutan tempoh menghantar maklum balas itu adalah lantaran sambutan sangat baik yang diterima, naik lebih 20 peratus berbanding tahun lalu, kata Perdana Menteri.

"Atas permintaan ramai untuk diberikan masa dan berpeluang memberikan idea mereka, saya bersetuju dengan cadangan untuk melanjutkan tarikh tutup kepada 18 September.

"Sekiranya belum, kemukakan idea anda kepada saya di <http://najibrazak.com/bajet2016/>," katanya.



Rabu, 16 September 2015

10. Ekonomi Malaysia masih berada di landasan betul

KOTA KINABALU: Keadaan ekonomi semasa negara masih berada pada landasan yang betul dan Malaysia tidak akan bankrap, kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah.

Beliau berkata, spekulasi bahawa Malaysia bakal bankrap ekoran kejatuhan nilai ringgit dan penurunan harga minyak dunia itu tidak benar, sebaliknya ekonomi semasa negara masih berkembang kukuh.

"Kejatuhan itu adalah satu fenomena global yang turut dirasai di beberapa negara lain termasuk Rusia dan Brazil susulan pengukuhkan nilai mata wang dolar AS. Negara lain yang bergantung kepada ekonomi berdasarkan komoditi pasti akan terjejas.

"Malah, jika kita melihat negara seperti Rusia yang berdasarkan minyak, menghadapi keadaan yang lebih teruk berbanding Malaysia. Begitu juga yang berlaku di Brazil, Australia dan New Zealand," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat pada Persidangan Meningkatkan Perpaduan dan Integrasi Negara, di sini, hari ini.

Persidangan anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Abdul Razak.

Mohd Irwan berkata, krisis ekonomi yang dihadapi negara ketika ini bukan sahaja disebabkan kejatuhan ekonomi antarabangsa tetapi juga 'political noise' di Malaysia.

"'Political noise' yang tidak perlu di Malaysia ini yang sepatutnya boleh dikawal dan ini sedikit sebanyak menganggu ekonomi semasa negara," katanya.

Menurutnya, dalam usaha menangani cabaran ekonomi negara, kerajaan telah mengambil beberapa langkah proaktif dan berharap dapat diatasi dalam tempoh beberapa bulan ini sekali gus meningkatkan kestabilan ekonomi Malaysia.

"Bajet 2016 akan diumumkan pada 23 Oktober, lebih banyak strategi dan langkah akan diumumkan oleh Perdana Menteri," katanya.

Sementara itu, Mohd Irwan menyentuh mengenai usaha kerajaan yang turut mengutamakan pembangunan di Sabah termasuk menyediakan peruntukan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan Sabah dan Sarawak.

"Dianggarkan peruntukan sebanyak RM12.6 bilion digunakan untuk kerja-kerja menaik taraf 706 kilometer Lebuhraya Pan Borneo di Sabah termasuk pembinaan jalan-jalan baharu untuk meningkatkan laluan dan penggunaannya.

"Jika dahulu, jalan ada tetapi kecil, kini kita berusaha untuk memperbesarkannya. Kita juga membuat jalan pintas," katanya sambil menegaskan pelaksanaan Pan-Borneo itu bakal memberi impak positif kepada penduduk luar bandar Sabah.

Di samping itu, katanya kerajaan persekutuan turut menyediakan pelbagai peruntukan lain termasuk dari segi keselamatan perairan di Sabah.

"Kita perkukuhkan kelengkapan tentera, polis dan agensi keselamatan lain. Kita sediakan segala peralatan dan sistem radar untuk memantau pergerakan lanun. Saya harap perairan Sabah akan lebih selamat dan peruntukan lebih akan disediakan," katanya.

Beliau juga berkata terdapat perkara lain yang dibincangkan kerajaan persekutuan bersama kerajaan negeri termasuk memberi kuasa supaya pelaksanaan dan keputusan dapat dibuat di peringkat kerajaan negeri.

"Inilah perkara-perkara yang sedang kita lakukan supaya lebih banyak lagi usaha pembangunan dapat dijalankan di negeri Sabah," katanya.



Ismi, 21 September 2015

11. Ekspor halal dijangka lebih RM37b tahun ini - HDC

KUALA LUMPUR: Industri halal Malaysia dijangka mengalami pertumbuhan positif tahun ini dengan anggaran nilai eksport melebihi RM37 bilion, didorong pelbagai program yang dijalankan agensi berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

Ketua Pegawai Eksekutif Halal Industry Development Corporation (HDC), Datuk Seri Jamil Bidin, berkata nilai eksport halal yang dicatatkan untuk enam bulan pertama tahun ini sudah menjangkau hampir RM20 bilion dan jumlah itu melebihi daripada jumlah yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Katanya, walaupun berdepan dengan situasi ekonomi kurang memberangsangkan seperti penyusutan nilai ringgit, industri halal masih menunjukkan permintaan yang tinggi dan berpotensi besar untuk berkembang.

"Saya lihat situasi ekonomi semasa seperti penyusutan ringgit memberi lebih pulangan kepada pengeksport produk halal dari Malaysia.

"Cuma yang memberi kesan ialah kepada mereka yang mengimport banyak bahan mentah. Namun, mereka disyorkan supaya meningkatkan penggunaan ramuan bahan mentah tempatan bagi mengawal situasi berkenaan," katanya pada sidang media selepas pelancaran Persidangan dan Pameran Ramuan Halal Asia 2015 di Kuala Lumpur, hari ini.

Pelancaran itu disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

12. Ekonomi Malaysia dapat hadapi ketidaktentuan global, tidak dalam krisis - Idris Jala

KUALA LUMPUR: Kerajaan yakin dapat berdepan dengan ketidaktentuan global yang kini memberi kesan kepada Malaysia, disokong dengan asas ekonomi negara yang kukuh.

Pada Taklimat Perkembangan Terkini Ekonomi Malaysia 2015 di sini, hari ini, Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Datuk Seri Idris Jala, berkata ekonomi Malaysia tidak mengalami krisis.

Idris berkata, ekonomi negara sedang berdepan ketidaktentuan kesan daripada cabaran luaran dan dalaman.

"Kita akui faktor yang mempengaruhi sentimen dan secara realistiknya kita sedang menuju untuk beberapa tempoh cabaran.

"Tanpa mempedulikannya, kita juga melihat jangka panjang, pelabur berwibawa terus mempercayai Malaysia sebagai pasaran berdaya saing yang komited untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

"Kita tidak berada seperti Malaysia pada 1998 semasa krisis kewangan Asia," katanya.

Idris berkata, kerajaan menyedari kebimbangan yang melanda 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan dana politik membawa kepada beberapa risiko politik mempengaruhi persekitaran perniagaan.

"Namun sebagai sebuah negara, kita sangat berdaya tahan. Kita akan melalui memandangkan kerajaan komited berusaha dalam meletakkan Malaysia sebagai destinasi utama pelaburan dan perdagangan di Asia," katanya.

Idris berkata, Malaysia tidak berada seperti mana yang dilalui pada krisis ekonomi pada 1998. Asas ekonomi hasil daripada pengukuhan fiskal dan pembaharuan kewangan awam sejak lima tahun lalu memberi kesan yang baik hari ini.

"Kita berada pada kedudukan yang kukuh untuk kekal bertahan berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), kejatuhan harga minyak mentah global dan komoditi serta peralihan keutamaan kepada sektor ekonomi lain.

Katanya, petunjuk utama ekonomi terus memberi sokongan kepada asas kukuh negara. Bagi tempoh separuh pertama 2015, Keluaran Dalam negara Kasar (KDNK) berada pada paras 5.3 peratus dan diyakini untuk tumbuh di antara 4.5 dan 5.5 peratus bagi setahun penuh 2015.

Pelaburan swasta meningkat 2.5 kali ganda selepas pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) antara tahun 2011 dan 2014 pada 13.6 peratus berbanding 5.5 peratus pada tahun 2006 dan 2010.

Pelaburan swasta berada pada paras RM108.5 bilion, menyumbang kepada 71 peratus jumlah pelaburan bagi separuh pertama tahun ini.

"Asas cukai kerajaan turut meningkat, menunjukkan keteguhan fiskal. CAGR daripada pendapatan cukai kerajaan dijangka meningkat kepada 1.9 peratus antara 2011 dan 2015, berbanding 6.3 peratus antara 2006 dan 2010. Pada 2015, jumlah pendapatan cukai dianggarkan berjumlah RM183.4 bilion.

"Dengan defisit fiskal menurun kepada 3.4 peratus dalam KDNK 2014 berbanding 6.4 peratus (2009) dan hutang kerajaan kepada nisbah KDNK kepada 53.7 peratus (akhir Jun 2015) ia menunjukkan Malaysia kekal pada zon fiskal selamat," katanya.

Mengulas mengenai penurunan ringgit berbanding dolar AS kepada 16.5 peratus antara 1 Januari dan 18 September tahun ini, Idris menegaskan kemerosotan ringgit bukannya isu terpencil susulan peningkatan dolar AS berbanding mata wang lain.

"Mata wang dolar New Zealand, rupiah Indonesia, ruble Russia dan dolar Australia juga mengalami kemerosotan dengan masing-masing 17.5 peratus, 13.6 peratus, 11.3 peratus dan 11.1 peratus berbanding dolar AS.

"Kita tidak gembira dengan penurunan ringgit tetapi Malaysia juga terdedah kepada keadaan ekonomi global. Bagaimanapun, Malaysia sudah mengurangkan kebergantungan negara kepada sektor minyak sejak 2010, dengan pengurangan 35.4 peratus daripada pendapatan pada 2010 kepada 29.7 peratus seperti mana yang dianggarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 2014," katanya.



Selasa, 22 September 2015

13. 1MDB kesal kenyataan Zeti mengenai ringgit

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) menyuarakan rasa kesalnya ke atas kenyataan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz yang seolah-olah menyebut syarikat pembangunan strategik itu sebagai penyebab ringgit lemah.



GABENOR Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. - Foto Aizuddin Saad

Penyusutan nilai ringgit dan mata wang lain disebabkan oleh kejatuhan mendadak minyak mentah, unjuran kadar peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) serta kelembapan ekonomi dunia dalam pasaran pesat membangun, katanya.

"Berdasarkan fakta sejarah, belum ada satu syarikat pun yang dikaitkan sebegitu rupa kepada nilai ringgit. Kami yakin fakta yang dikongsi oleh 1MDB dan penjelasan segera yang dikeluarkan setakat ini, akan memberikan penjelasan dan jaminan kepada semua pihak berkepentingan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

1MDB berkata nilai aset syarikat itu adalah melebihi hutangnya.

Tambahan pula, Zeti menyedari bahawa 1MDB sentiasa memenuhi, tanpa ingkar, obligasi pembayaran asas dan kadar faedah, kepada peminjam domestik dan asing.



Selasa, 22 September 2015

14. MATRADE, CIDB anjur padanan perniagaan untuk syarikat Malaysia

KUALA LUMPUR: MATRADE dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) baru-baru ini menganjurkan sesi padanan perniagaan untuk 48 syarikat Malaysia.

Sesi berkenaan berlangsung sempena Minggu Pembinaan Antarabangsa ICW) dan adalah sebahagian daripada aktiviti promosi MATRADE menerusi Program Misi Membeli.

MATRADE dalam kenyataannya hari ini berkata, 131 pertemuan perniagaan sudah diatur dengan projek dan bekalan perkhidmatan serta produk bernilai RM3.47 bilion, yang kini sedang diperhalusi oleh syarikat-syarikat Malaysia.

"Sejumlah 24 wakil perniagaan dari Kemboja, Kenya, Pakistan, Vietnam, Jepun, Myanmar, Trinidad dan Tobago dan Amerika Syarikat menyertai sesi berkenaan," katanya.

Antara jenis perkhidmatan dan produk yang disumber pembeli asing meliputi kepakaran dalam pembinaan jalan, perkhidmatan perundingan kejuruteraan dan perkhidmatan reka bentuk seni bina.

Program itu adalah sesi kedua padanan perniagaan anjuran MATRADE sempena ICW 2015.

Sepanjang tahun 2015, sejumlah 116 aktiviti mempromosi perdagangan dijalankan di 46 negara dalam sektor bernilai tinggi termasuk pembinaan, minyak dan gas, elektrik dan elektronik serta aeroangkasa.



Selasa, 22 September 2015

15. RM20b dana ValueCap akan kembalikan keyakinan pelabur - AmInvest

KUALA LUMPUR: Dana ValueCap bernilai RM20 bilion, yang diumumkan kerajaan adalah langkah baik bagi mengembalikan keyakinan pelabur asing, kata Ketua Bahagian Pelaburan Ekuiti AmInvest, Andrew Wong Yoke Leong.

"Banyak negara sudah melaksanakannya. Hong Kong dan Thailand sudah melaksanakannya. China, baru-baru ini mengumumkannya dan tidak ada apa-apa yang tidak kena untuk melaksanakannya."

"Ia mungkin membawa hasil kejayaan," katanya pada sidang media, di sini, petang ini.

Beliau berkata, inisiatif ValueCap dilihat berkemampuan meningkatkan keyakinan pelabur asing dalam pasaran.

Yoke Leong turut bersetuju dengan kenyataan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, semalam berhubung isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB), yang harus diselesaikan secepat mungkin bagi mengembalikan keyakinan pelabur.

"Pelabur tidak suka ketidaktentuan. Sejurus isu 1MDB selesai, risiko premium akan jatuh dan berikutnya, pasaran akan kembali kukuh," katanya.



Jumaat, 25 September 2015

16. Kenyataan kaitkan dengan CDS tidak berasas - 1MDB

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) hari ini menyatakan dakwaan yang mengaitkan sebaran luas Swap Mungkir Kredit (CDS) dengan syarikat itu sebagai 'komentar yang tidak berasas'.

"Perlu ditekankan bahawa CDS adalah instrumen kewangan derivatif yang nilainya ditentukan oleh pendagang, menerusi permintaan dan penawaran, dan tidak semestinya menggambarkan fakta atau asas ekonomi," menurutnya dalam satu kenyataan di sini.

1MDB menyatakan sebaran CDS adalah petunjuk yang berbeza kepada penarafan kredit A-/A3 Malaysia, yang mencerminkan keupayaan kukuh kerajaan untuk membayar obligasi hutangnya, dengan kebarangkalian kemungkiran yang rendah.

IMDB membuat kenyataan itu berikutan kenyataan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng yang mengaitkan 1MDB untuk peluasan sebaran CDS kerajaan.

1MDB menyifatkan komen Lim itu sebagai 'tidak berasas'.

Syarikat dana negara itu menyatakan, pelan rasionalisasi 1MDB yang sedang dilaksanakan, berjalan seperti dirancang.

Asas pelan yang antara lain membabitkan 'hutang untuk pertukaran aset' dengan Abu Dhabi International Petroleum Investment Co (IPIC), jualan ekuiti dalam Edra Energy dan Bandar Malaysia, penjualan tanah induk di Tun Razak Exchange (TRX) serta pelupusan aset bukan teras.

"Hasil daripada pelan rasionalisasi itu akan dapat mengurangkan dengan ketara hutangnya ke tahap yang boleh diurus, menjelang suku keempat 2015," menurut kenyataan itu.

Dalam kenyataan itu, 1MDB menekankan beberapa fakta dan asas utama berkaitan kemajuan rasionalisasi.

Antaranya, tahun ini ia berjaya menjual lebih RM1 bilion tanah di TRX.

Menurutnya, bidaan akhir yang mengikat akan diterima daripada pembida dari dalam negara dan antarabangsa yang disenarai pendek untuk Edra Energy dan Bandar Malaysia antara pertengahan

hingga akhir bulan Oktober 2015, dengan Perjanjian Jual Beli (SPA) untuk kedua-dua aset itu dilaksanakan pada Disember 2015.

"Ia secara konsisten memenuhi, tanpa mungkir, menunaikan obligasi kadar faedah dan pembayaran asas, kepada pelabur asing dan domestik," menurutnya.

Menurut 1MDB, kerajaan telah menjamin RM5.8 bilion hutang 1MDB - dengan RM5 bilion matang pada 2039 - dan menyediakan Surat Sokongan bagi bon AS\$3 bilion yang diterbitkan 1MDB yang matang pada 2023.

Pada kadar tukaran semasa, jumlah pokok hutang jangka panjang ini berjumlah kira-kira RM18.7 bilion.

Menurut 1MDB, berdasarkan statistik di laman web Bank Negara Malaysia, angka ini bersamaan dengan sekitar 1.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia (KDNK) 2014 sebanyak kira-kira RM1.1 trilion dan sekitar 2.9 peratus daripada hutang suku kedua 2015 Kerajaan Pusat berjumlah kira-kira RM628 bilion.

Justeru, walaupun terdapat liabiliti luar jangka ke atas kerajaan, 1MDB yakin, berdasarkan fakta dan asas, ia akan dapat memenuhi obligasi khidmat hutang hasil daripada kejayaan pelaksanaan pelan rasionalisasinya.



Sabtu, 26 September 2015

17. CDS tidak cerminkan asas ekonomi jangka panjang yang kukuh - Mohd Irwan

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan terus memantau perkembangan luaran dan bersedia menghadapi sebarang kemungkinan dengan memastikan ia mempunyai pilihan dasar yang cukup bagi mengurangkan kesannya kepada negara, kata Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah hari ini.

Beliau berkata, kerajaan sedar yang keadaan Tukaran Mungkir Kredit (CDS) Malaysia menjadi tidak menentu dan meluas baru-baru ini.

"CDS bertindak balas kepada berita pasaran semasa dan mencerminkan pandangan pemain pasaran. Oleh itu, pergerakan baru-baru ini tidak mencerminkan kekuahan pendasar ekonomi Malaysia.

"Agensi penarafan kredit mengambil pandangan yang lebih seimbang dan jangka panjang mengenai ekonomi dan kewangan awam," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Irwan berkata, penarafan negara adalah lebih stabil dan berdasarkan asas ekonomi.

Cabaran besar berikutnya potensi kenaikan kadar faedah AS, kesan perbezaan dasar di negara maju, pertumbuhan China yang lebih lembap daripada dijangka, di samping harga komoditi yang terus rendah dijangka menjelaskan pasaran sedang muncul, termasuk Malaysia, tambahnya.

"Kerajaan realistik dalam menilai kesan perkembangan terbabit dan memberi tumpuan untuk mengukuhkan daya tahan ekonomi.

"Sehubungan itu, ia menujuhkan Jawatankuasa Khas Ekonomi pada 1 September 2015 untuk mendapatkan pandangan pakar bagi cadangan segera dan jangka sederhana bagi mengukuhkan lagi asas ekonomi Malaysia," katanya.

Menurut beliau, ekonomi Malaysia kekal kukuh, tumbuh sebanyak 5.3 peratus pada separuh pertama 2015 ketika pertumbuhan global yang sederhana.

Mohd Irwan berkata, daya tahan ekonomi Malaysia untuk mengharungi risiko luaran telah mengukuh sejak beberapa tahun lalu, sebahagian besarnya disebabkan struktur ekonomi yang lebih seimbang dan pelbagai.

"Pertumbuhan dipacu permintaan domestik yang kukuh dan disokong asas ekonomi yang teguh di samping dasar monetari yang akomodatif.

"Pelbagai strategi, program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 akan memantapkan lagi unjuran pertumbuhan ke arah menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.

Menurutnya, asas ekonomi dan prospek pertumbuhan Malaysia telah diperakui beberapa agensi penarafan kredit dengan Fitch mengesahkan kadar penarafan Malaysia pada A dan menyemak semula prospeknya daripada negatif kepada stabil pada Jun 2015 manakala pada Julai 2015, S&P mengesahkan penarafan pada A dengan mengekalkan prospek stabil.

Moody's kini menarafkan Malaysia pada A3 dengan prospek positif.

Mohd Irwan berkata, pengesahan penarafan kredit Malaysia mencerminkan pandangan adil dan seimbang mengenai komitmen kerajaan untuk melaksana pelbagai dasar makroekonomi dan inisiatif pembaharuan fiskal yang bijak.

18. Tadbir urus kewangan padu tunjang ekonomi kukuh, stabil

PETALING JAYA: Tadbir urus kewangan yang padu merupakan tunjang kepada ekonomi yang stabil dan kukuh, kata Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Dr Sukhdave Singh.

Sukhdave berkata struktur tadbir urus dan bagaimana keputusan dibuat, perlu diberikan keutamaan.

"Tadbir urus mempengaruhi keputusan, dan keputusan menentukan hasil.

"Tidak ada bezanya dalam tadbir urus kewangan, sama ada keputusan kewangan di peringkat antarabangsa atau negara, awam atau swasta, korporat atau institusi kewangan, isi rumah atau individu, tadbir urus kewangan yang padu merupakan tunjang atau asas kepada ekonomi yang stabil dan kukuh.

"Hakikatnya ialah kekurangan tadbir urus kewangan yang baik boleh menjurus kepada kesilapan yang berpotensi menjelaskan ekonomi, oleh itu mereka mesti melaksanakan tadbir urus yang baik dan dijadikan keutamaan dalam ekonomi dan politik," katanya dalam ucaptama beliau pada Konvensyen Ekonomi Malaysia 2015, di sini hari ini.

Konvensyen dua hari bertema 'Pertumbuhan Ekonomi dan Tadbir Urus Kewangan' yang menghimpunkan kira-kira 100 peserta itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Ekonomi Malaysia (MEA) dan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Sementara itu, Presiden MEA Tan Sri Mohd Sheriff Mohd Kassim memperakui bahawa tadbir urus kewangan wajar diperkujuh memandangkan ia membabitkan cara keputusan dibuat.

"Sebarang usaha untuk menambah baik sekut dan imbang dalam membuat keputusan, ialah menangani punca masalah.

"Saya gembira perkara itu diketengahkan oleh Timbalan Gabenor BNM dalam ucaptama," katanya ketika ditemui di luar konvensyen itu.